



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/1/2020	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tapir ketiga mati dilanggar di Johor

KLUANG - Seekor tapir betina dewasa ditemui mati dilanggar kenderaan di Jalan Padang Tembak, Kluang di sini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Salman Saaban berkata, haiwan yang dikategorikan sebagai terancam itu dianggarkan berusia tujuh tahun dengan berat 350 kilogram.

Menurutnya, Pejabat Perhilitan Daerah Kluang telah menerima satu panggilan telefon mengenai penemuan bangkai haiwan terbabit di Jalan Padang Tembak, Kluang pada jam 8 pagi.

"Terdapat kesan kecederaan pada kepala tapir tersebut di mana mulutnya berdarah dan berbuih disyaki kesan dilanggar yang menyebabkan kematiannya.

"Menurut maklumat diperoleh, ia dipercayai berlaku pada tengah malam 15 Januari sebelum dijumpai oleh orang ramai pada awal pagi keesokan harinya.

"Keadaan jalan yang gelap dan agak lurus mungkin menyebabkan pemandu tidak perasan tapir sedang melintas," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Salman berkata, bangkai tapir tersebut telah ditanam di Ladang Mados Tanah Abang, Mersing dengan kerjasama pihak ladang.

Terdapat kesan kecederaan pada kepala tapir tersebut di mana mulutnya berdarah dan berbuih disyaki kesan dilanggar yang menyebabkan kematiannya. Menurut maklumat diperoleh, ia dipercayai berlaku pada tengah malam 15 Januari sebelum dijumpai oleh orang ramai pada awal pagi keesokan harinya."

- Salman

Katanya, kejadian terbaharu ini merupakan kes ketiga tapir mati dilanggar di Johor pada tahun ini.

"Kes pertama berlaku pada 5 Januari lalu di Batu 20, Jalan Kota Tinggi-Mersing manakala kes kedua berlaku pada 13 Januari lalu di Jalan Tanjung Balau-Sedili Kecil melibatkan seekor tapir betina dianggarkan berumur enam tahun seberat 250kg," katanya.



FOTO: IHSAN PERHILITAN

Seekor tapir betina seberat 350kg yang ditemui mati di Jalan Padang Tembak, Kluang kelmarin.